

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	19 JULY 2016

KES PM SAMAN FITNAH LIONG SIK

Afidavit Dr M hanya bukti dengar cakap

BH-19/7/2016

➔ Mahkamah benarkan permohonan Najib padam kenyataan

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**
ajohari@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi di sini, semalam memutuskan, afidavit Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menyokong permohonan Tun Dr Ling Liong Sik membatalkan saman fitnah dikemukakan Datuk Seri Najib Razak hanya bersandarkan bukti

dengar cakap.

Hakim Datuk Nor Bee Ariffin, membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Najib memadamkan afidavit berkenaan daripada permohonan Liong Sik untuk membatalkan saman Najib terhadapnya yang difailkan pada 27 Oktober tahun lalu.

Perkara itu dimaklumkan peguam Najib, Datuk Mohd Hafarizam Harun ketika ditemui di luar mahkamah selepas Nor Bee membuat keputusan itu dalam kamar beliau. Yang turut hadir, peguam Liong Sik, Yeoh Cho Kheong.

Mohd Hafarizam berkata, mahkamah mendapati dua perenggan dalam kandungan afidavit soko- ngan itu hanya berdasarkan bukti dengar cakap kerana tidak menyatakan daripada sumber mana ia diperolehi dan sama ada Dr Mahathir mempunyai pengetahuan peribadi mengenainya.

“Selain itu mahkamah turut mendapati kandungan afidavit soko- ngan oleh Dr Mahathir penuh dengan elemen yang boleh menimbulkan perbalahan kerana tidak menyatakan sumber... Dengan keputusan ini, afidavit berkenaan akan dipadamkan daripada permohonan Liong Sik untuk membatalkan saman Najib,” katanya.

Kenyataan saman fitnah

Dalam writ saman dan pernyataan tuntutan itu, Liong Sik yang juga bekas Menteri Pengangkutan didakwa mengeluarkan kenyataan fitnah yang diterbitkan portal dalam talian *Malay Mail* bertarikh 3 Oktober tahun sama.

Katanya, defendan secara salah dan berniat jahat mengeluarkan kenyataan fitnah itu di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, di Kuala Lumpur.

Najib berkata, perkataan fitnah itu antaranya membawa maksud Najib menyalahgunakan dana kerajaan ke dalam akaun peribadi untuk kepentingan peribadi, menyalahgunakan dana kerajaan milik syarikat pelaburan kerajaan,

1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan mengkhianati kepercayaan rakyat dengan menyalahgunakan kuasa.



Keratan akhbar BH pada 7 Oktober 2015.